



JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (2) November 2023 (016-029)

Implementasi Ujian Kebolegunaan Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) untuk Penutur Asing

Yusmaniza Mohd Yusoff & Junaini Kasdan
yusmaniza.ukm@gmail.com, junaini@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

Tarikh terima : 05 September 2023
Received
Terima untuk diterbitkan : 16 Oktober 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2023
Published online

Abstrak

Fasa penilaian (*evaluation*) merupakan fasa terakhir dalam model reka bentuk ADDIE dan merupakan fasa penentu kejayaan bagi sesuatu program pembelajaran atau pembangunan produk. Namun, fasa ini juga dapat menentukan sama ada fasa sebelumnya iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, dan pelaksanaan perlu diulang semula jika terdapat sebarang penambahbaikan. Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) yang dibangunkan telah melalui fasa penilaian bagi mendapatkan maklumat berkenaan prestasi dan kemampuan kit tersebut. Fasa ini bertujuan untuk menilai kesahan dan tahap kebolegunaan KPBM sebagai satu kit pembelajaran bahasa yang mesra pengguna. Sehubungan itu, kajian ini hanya akan mengimplementasikan penilaian kebolegunaan produk yang dibangunkan iaitu Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) tanpa mengambil kira tahap keberkesannya. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang diadaptasi berdasarkan borang soal selidik USE yang diperkenalkan oleh Lund (2011). Data yang dikumpulkan daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan *IBM Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Setiap item akan dinilai dan dianalisis berdasarkan statistik deskriptif yang melihat nilai kekerapan, peratusan dan skor min. Dapatan kajian menunjukkan kebolegunaan keseluruhan KPBM berdasarkan (i) aspek kebergunaan mencatatkan nilai purata skor min sebanyak 4.62, (ii) aspek kesesuaian pembelajaran dengan nilai skor min sebanyak 4.57, dan (iii) aspek kepuasan pengguna yang memperoleh skor min sebanyak 4.48. Interpretasi nilai skor min telah mencatatkan nilai tinggi kerana melebihi 4.00 skor min bagi kesemua aspek tersebut. Sehubungan itu, hasil kajian jelas menunjukkan responden sangat bersetuju bahawa keseluruhan KPBM sangat memenuhi kehendak responden yang memerlukan bahan bantu atas talian yang lebih bersifat interaktif, berinovasi dan mesra pengguna.

Kata Kunci: Kit Pembelajaran Bahasa Melayu, ADDIE, Fasa Penilaian, Kebolegunaan, Multimedia

Implementation of the Malay Language Learning Kit (KPBM) Usability Test for Foreign Speakers

ABSTRACT

The evaluation phase is the last phase in the ADDIE design model and the determining phase of success for a learning program or product development. However, this phase can also determine whether the previous phases of analysis, design, development, and implementation need to be repeated if there are any improvements. The Malay Language Learning Kit (KPBM) that was developed has gone through an evaluation phase to obtain information about the kit's performance and capabilities. This phase aims to evaluate the validity and level of usability of KPBM as a user-friendly language learning kit. Accordingly, this study will only implement the

evaluation of the usability of the developed product, which is the Malay Language Learning Kit (KPBM), without taking into account its level of effectiveness. The instrument used in this study is a questionnaire adapted from the USE questionnaire introduced by Lund (2011). The data collected from the questionnaire was analyzed using the IBM Statistical Package for Social Science (SPSS). Each item will be evaluated and analyzed based on descriptive statistics that look at frequency, percentage, and mean values. The findings of the study show the overall usability of KPBM based on (i) the aspect of usability recording an average mean score of 4.62, (ii) the aspect of learning suitability with a mean score of 4.57, and (iii) the aspect of user satisfaction, which obtained a mean score of 4.48. Interpretation of the mean score value has recorded a high value because it exceeds the 4.00 mean score for all aspects. Accordingly, the results of the study clearly show that the respondents strongly agree that the entire KPBM very much meets the needs of the respondents, who need online aids that are more interactive, innovative, and user-friendly.

Keywords: Malay Language Learning Kit, ADDIE, Evaluation Phase, Usability, Multimedia

1. Pengenalan

Semenjak pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing diwujudkan, didapati bahawa prosesnya terlalu bergantung kepada pembelajaran yang berlangsung secara tatap muka dalam kelas. Kebergantungan proses pembelajaran terhadap guru atau penutur natif membantutkan harapan penutur asing untuk mempelajari bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, faktor kedudukan geografi sesuatu tempat menyukarkan pelajar untuk melatih perbualan dengan penutur natif. Oleh itu, pelajar mula mencari kaedah alternatif untuk memastikan mereka dapat berinteraksi dengan bahasa yang dipelajari (Rozita & Norshahila 2019). Antara kaedah tersebut termasuklah menggunakan medium internet berbantuan aplikasi web. Seiring dengan kemajuan teknologi masa kini, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah menyarankan agar teknologi maklumat dan komunikasi digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan.

Aplikasi web seringkali dikaitkan dengan pembelajaran mudah alih yang tersebar tanpa diskriminasi. Penggunaan aplikasi web dapat mewujudkan hubungan dua hala walaupun tanpa tatapan muka. Menurut Mohd Sukki et al. (2013), bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dihasilkan berasaskan teknologi web 2.0 bersifat efektif dan mampu menarik para pelajar untuk mengikuti aktiviti pembelajaran secara berterusan sama ada di bawah kendalian guru atau secara sendiri. Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) merupakan kit pembelajaran yang dibangunkan khusus melalui medium aplikasi web sebagai bahan bantu pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. Kit tersebut dibangunkan berdasarkan hasil analisis keperluan pengguna yang memerlukan bahan bantu yang lebih interaktif dengan gabungan media pembelajaran seperti teks, audio dan video. Kesemua media atau bahan pembelajaran tersebut digabungkan dalam satu kit pembelajaran secara atas talian berbantu teknologi maklumat.

Pembangunan Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) menggunakan prinsip model reka bentuk ADDIE yang memiliki carta alir kerja, iaitu analisis (*analysis*), reka bentuk (*design*), pembangunan (*development*), pelaksanaan (*implementation*) dan penilaian (*evaluation*). Fasa penilaian merupakan fasa terakhir dalam model reka bentuk ADDIE dan merupakan fasa penentu kejayaan bagi sesuatu program pembelajaran atau pembangunan produk. Namun, fasa ini juga dapat menentukan sama ada fasa sebelumnya, iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, atau pelaksanaan perlu diulang semula jika terdapat sebarang penambahbaikan. Fasa ini turut bertujuan untuk menilai kesahan dan tahap kebolehgunaan KPBM sebagai satu kit pembelajaran bahasa yang mesra pengguna. Kaedah penilaian produk terbahagi kepada penilaian kebolehgunaan, penilaian keberkesanan atau kedua-duanya sekali. Ia jelas menurut Saedah et al. (2020), fasa penilaian dalam kajian penyelidikan reka bentuk dan pembangunan boleh dilakukan dengan menggunakan penilaian keberkesanan, kebolehgunaan atau salah satu daripadanya. Sehubungan itu, kajian ini hanya akan mengimplementasikan penilaian kebolehgunaan produk yang dibangunkan, iaitu Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) tanpa mengambil kira tahap keberkesanannya.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk;

- i) menilai tahap kebolegunaan Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) untuk penutur asing
- ii) mengenal pasti sebarang masalah dalam penggunaan Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) untuk penutur asing

2. Sorotan Kosa Ilmu

Perbincangan adalah berkait dengan cabaran pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua yang merasionalkan kajian berkenaan pembangunan bahan bantu pembelajaran yang lebih berkesan dijalankan. Khuzaiton dan Thana (2014) menyebut tentang cabaran sikap pelajar yang tidak positif sewaktu sesi pembelajaran dalam kelas berlangsung. Perkara ini turut dipersetujui oleh Khan, T.J & Khan, N (2016) yang mendapati pelajar asing suka bercakap dalam bahasa Inggeris dan kurang minat terhadap guru. Malah Unal & Ilhan (2017) menyebut bahawa pelajar kurang sedar akan kepentingan pembelajaran. Selain masalah sikap pelajar, Khan, T.J dan Khan, N (2016) juga menyebut masalah berkaitan tenaga pengajar, sukatan pembelajaran yang tidak bersesuaian, faktor saiz kelas dan bahan bantu tanpa penggunaan teknologi moden. Unal dan Ilhan (2017) turut menyenaraikan halangan seperti masalah sistem pendidikan, tempat pembelajaran, guru yang kurang mahir, dan masalah ibu bapa serta faktor persekitaran. Tambah Banu, S.R dan Nishanthi, R (2017) pula, masa yang kurang boleh lentur (*flexible*) dan faktor ketaksamaan serantau, iaitu jurang ekonomi yang berbeza antara pelajar yang tinggal di bandar dan luar bandar juga menjadi halangan terhadap keberkesanan proses pembelajaran yang berlangsung di dalam kelas. Hal ini kerana kelas pembelajaran melibatkan kos yang tinggi menyebabkan hanya pelajar dalam kalangan berkemampuan sahaja boleh mengikuti kelas tersebut.

Walaupun proses pembelajaran dalam kelas memfokuskan guru berbanding pelajar, namun sokongan bahan bantu pembelajaran sangat penting disediakan bagi memastikan proses pembelajaran berlangsung dalam keadaan yang tidak membosankan. Apatah lagi pembelajaran dalam kelas semata tidak melibatkan hubungan sosial yang aktif dengan masyarakat tempatan. Bahan bantu pengajaran dalam bentuk buku teks biasanya digunakan dalam kelas pembelajaran. Dalam hal ini, Supyan (1996) pernah menyebut bahawa banyak buku dan modul di pasaran tidak memenuhi kehendak kurikulum kebangsaan, tidak sesuai dengan budaya dan pemikiran tempatan, tidak menepati pedagogi suatu bidang dan tidak sesuai dengan cita rasa pendidik. Hasnah dan Junaini (2012) dalam kajian mereka telah mendapati buku yang terdapat di pasaran kurang menarik. Ia disebabkan oleh beberapa faktor seperti kurang aspek budaya diperkenalkan, sarat dengan teks, gambar bukan asli, kekurangan ilustrasi dan sebagainya. Hasnah dan Junaini (2012) bersependapat menyatakan bahawa pelajar memerlukan model peranan untuk memudahkan pemahaman mereka dalam pembelajaran bahasa asing. Selain itu, buku tulisan Nor Hashimah et al. (2007) dan Jamaliah et al. (2013), didapati didominasi oleh sukatan pembelajaran bagi kemahiran membaca berbanding bertutur kerana kekurangan teks perbualan, gambar yang kelihatan kaku, dan tidak memuatkan unsur budaya masyarakat Malaysia.

Permasalahannya, banyak kajian lepas berkenaan cabaran hanya memberi penjelasan tanpa mewujudkan penyelesaian dengan membangunkan bahan bantu pengajaran yang lebih berkesan. Seiring dengan peredaran masa, proses PdP bahasa asing atau bahasa kedua daripada kebergantungan kepada guru dalam kelas semata-mata berkembang kepada proses pembelajaran secara moden dengan bantuan pelbagai bahan bantu mengajar sendiri seperti buku teks digital, modul dan video pembelajaran bahasa secara atas talian. Perkembangan terkini melalui kajian oleh Zhou dan Wei (2018) menunjukkan betapa pentingnya penggunaan kemudahan kemajuan teknologi. Pelajar masih perlu menggunakan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) tetapi memanfaatkan teknologi dalam pembelajaran bahasa asing. Menurut Zhou dan Wei (2018), pelajar menggunakan video seperti YouTube untuk kemahiran mendengar, teks digital untuk kemahiran membaca, dan melalui kedua-dua bahan tersebut, pelajar menggunakan SPB metakognitif, kognitif, afektif, dan sosial bagi kemahiran menulis. Jelas di sini,

penggunaan teknologi dapat mempengaruhi proses pembelajaran dan pelajar dapat mengayakan SPB mereka. Malah, pemanfaatan teknologi mampu mewujudkan strategi pengawalan sendiri untuk menggalakkan motivasi pelajar. Selain itu, aspek sosio-persekitaran akan diberikan perhatian dalam proses pembelajaran memanfaatkan teknologi kerana pelajar dapat mempelajari bahasa dan budaya sekali gus secara atas talian.

Sehubungan itu, kajian ini telah membangunkan produk pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing khususnya, iaitu Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) bertujuan untuk mengatasi permasalahan kajian yang ada. Hal ini selaras dengan kemajuan Malaysia dalam arena global dan Teknologi Maklumat (IT). Modul elektronik ini dibangunkan melalui bantuan penutur natif bahasa Melayu bagi mewujudkan pembelajaran yang lebih berkesan dengan mengurangkan kebergantungan kepada guru dan kelas. KPBM memuatkan unsur budaya melalui bahan video dengan jenama Rakan Bahasa yang telah memperoleh perlindungan hak cipta (No. IP: F1896). Hal ini dapat mengatasi masalah kekurangan unsur budaya yang dipersembahkan melalui pembelajaran konvensional. Kaedah pembelajaran utama KPBM adalah kaedah pemerhatian terhadap video pembelajaran selain pembacaan bahan bertulis digital (e-buku). KPBM yang memanfaatkan kemudahan teknologi dapat menawarkan pembelajaran yang lebih interaktif. Masalah kekurangan motivasi dan sikap negatif oleh penutur asing terhadap pembelajaran bahasa Melayu juga dapat diatasi. Hal ini penting bagi memastikan matlamat pembelajaran jangka panjang dapat diperoleh pada akhir pembelajaran.

2.1 Ujian Kebolegunaan

Setelah KPBM dibangunkan, fasa penilaian dilaksanakan bagi menguji kebolegunaan KPBM. Kebolegunaan berkait rapat dengan reka bentuk sesebuah antara muka dan ciri-ciri pada paparan buku teks digital (Wan Noor Azhar & Siti Ezaleila 2020). Koochang, A dan Paliszkievich, J (2016) mendefinisikan kebolegunaan sebagai sesebuah sistem atau produk yang berupaya memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna secara berkesan dan efektif. Menurut Nielsen (2012), kebolegunaan dikaitkan dengan suatu kualiti yang dinilai sebagai sesuatu yang mudah digunakan. Oleh itu, ujian kebolegunaan dijalankan bagi menilai penerimaan pengguna terhadap sesuatu produk untuk memenuhi kepuasan pengguna dan bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan atau kelemahan produk yang tidak ditemui semasa proses pembangunan.

Kebolegunaan dapat diukur berdasarkan tahap penerimaan pengguna terhadap sesuatu aplikasi atau produk (Siti Asma et al. 2016). Nielsen (1994) mengatakan bahawa terdapat empat cara asas bagi menjalankan ujian kebolegunaan, iaitu melalui program pengujian, ujian empirikal, ujian formal iaitu melalui permodelan dan ujian tidak formal, iaitu melalui kepakaran pembangun produk itu sendiri. Oleh itu, kajian ini melaksanakan penilaian kebolegunaan menggunakan program pengujian berbentuk formatif yang hanya mengukur kebolegunaan produk atau kemampuan responden dalam sesuatu topik atau kemahiran. Tujuan utama ujian formatif ini dijalankan adalah untuk meneliti sebarang kelemahan kit dan bagi mengumpulkan maklumat untuk penambahbaikan jika terdapat masalah yang timbul. Dalam penilaian formatif, pengajar selalunya menggunakan beberapa kaedah atau ujian untuk mengukur kebolehan pelajar dalam menguasai kursus yang sedang diikuti (Thorndike 2001).

Berdasarkan kenyataan Zuraidah dan Junaidah (2011), terdapat tiga ukuran asas untuk menguji kebolegunaan iaitu keberkesanan (*effectiveness*), kecekapan (*efficiency*) dan kepuasan (*satisfaction*). Rosseni (2014) menjelaskan bahawa ujian kebolegunaan boleh dilaksanakan pada fasa pembangunan dan fasa pelaksanaan sesebuah produk. Menurutnya lagi, ujian kebolegunaan boleh dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pengujian pertama pada fasa pembangunan dan pengujian kedua pada fasa pelaksanaan. Namun, dalam kajian ini, ujian kebolegunaan hanya akan dilaksanakan pada fasa pelaksanaan sahaja. Rosseni (2014) turut menyebut ujian kedua kebolegunaan akan melibatkan pengguna sebenar produk atau sistem. Oleh itu, pada fasa penilaian ini, maklum balas pengguna terhadap KPBM dapat dicatatkan untuk menilai kebolegunaan KPBM tersebut. Penilaian hanya melibatkan pengujian spesifik terhadap reka bentuk, isi kandungan, strategi, elemen multimedia, dan kepenggunaan KPBM dalam mewujudkan pembelajaran yang lebih efisien dan interaktif.

3. Metodologi Kajian

Perkara yang menjadi keutamaan sebelum menjalankan kajian adalah menetapkan data, kaedah kajian, sampel kajian, instrumen dan teori yang bersesuaian bagi menjelaskan sesuatu fenomena yang sedang dikaji. Selain itu, ruang lingkup atau fokus kajian juga penting diberi perhatian agar tidak menyerupai dan tidak bertindan dengan kajian terdahulu. Sehubungan itu, perbincangan akan menyentuh mengenai kaedah dan prosedur untuk menjalankan kajian, pemprosesan data, dan penganalisan data.

3.1 Kaedah Penilaian Kebolegunaan

Kajian ini menggunakan kaedah kaji selidik yang dijalankan ke atas kumpulan sampel penutur asing. Pemilihan responden adalah secara rawak dengan mengambil kira status penutur asing sebagai pelajar yang telah, dan sedang mengikuti pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini bermakna, responden ditetapkan dalam kalangan pelajar asing yang mempunyai sedikit sebanyak pengalaman atau pengetahuan bahasa Melayu. Berbekalkan pengalaman dan pengetahuan tersebut, dapat memudahkan dan mengesahkan penilaian keseluruhan KPBM. Sehubungan itu, bilangan responden yang mengambil bahagian bagi sesi penilaian adalah seramai 25 orang yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Putra Malaysia. Jumlah ini dipilih mengikut saranan Nielsen (2000) yang mencadangkan supaya lima peserta kajian dilibatkan untuk ujian kegunaan atau *usability testing*. Malah, menurut Ghazali & Sufean (2016), penentuan bilangan saiz peserta kajian tidak ada penetapan bilangan dan memadai satu hingga tujuh orang asalkan menepati kriteria. Nielsen (1994) pernah menjelaskan bahawa bilangan tiga hingga lima orang responden sudah memadai dan jika lebih, tiada masalah. Namun, had bilangan yang terbaik adalah apabila respon positif tidak berubah walaupun terdapat penambahan responden.

Ujian kebolegunaan kajian ini memfokuskan kepada penggunaan KPBM dimulai dengan pengenalan KPBM oleh penyelidik dan sesi pembelajaran secara sendiri oleh kesemua responden. Mereka dibekalkan dengan laman URL KPBM iaitu www.ukm.my/kitbm/ untuk diakses dan bebas menggunakannya selama masa yang telah diberikan iaitu tiga jam. Responden dikelompokkan kepada 10 kumpulan mengikut tema bagi memudahkan proses pembelajaran yang berlangsung dalam masa yang singkat. Selepas selesai sesi pembelajaran, seterusnya adalah sesi ulangkaji. Responden akan diberikan latihan untuk dijawab berdasarkan pembahagian topik pembelajaran. Setelah itu, responden akan memberikan maklum balas masing-masing berkenaan kebolegunaan KPBM menggunakan borang soal selidik yang telah dikongsi oleh pengkaji.

3.2 Sampel Kajian

Persampelan kajian ini adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana pengkaji boleh memilih sampel dan tempat yang dijangkakan dapat memberikan maklumat tertentu. Persampelan merupakan strategi penyelidikan bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut (Mohd Majid 2005). Ringkasnya, sampel bermaksud sebahagian daripada elemen dalam populasi. Populasi pula merupakan sekumpulan individu, objek atau benda kejadian yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji. Oleh itu, responden juga digelar sebagai populasi dalam kajian ini.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang kaji selidik kebolegunaan yang telah diadaptasi daripada borang soal selidik USE (Lund 2011). Standard ISO 9126 (2001) telah menjelaskan konsep kebolegunaan merangkumi kebolehfahaman (*understandability*), kebolehpelajaran (*learnability*), kebolehoperasian (*operability*), daya tarikan (*attractiveness*) dan pematuhan kebolegunaan (*usability compliance*). Hal ini menunjukkan standard ISO 9126 mementingkan kualiti penggunaan dalaman mahupun luaran sesuatu produk. Lund (2011) telah memperkenalkan model kebolegunaan USE yang merangkumi aspek kebergunaan, kemudahpelajaran, kemudahgunaan, dan kepuasan sesuatu produk yang dibangunkan. Oleh itu, pengkaji memilih untuk menyediakan soal selidik

yang diadaptasi dan diubahsuai melalui model USE dan berpandukan konsep kebolegunaan berdasarkan Standard ISO 9126 tersebut.

4. Analisis Data dan Perbincangan

Penilaian kebolegunaan KPBM dalam kajian ini mensasarkan kepada tiga bahagian/perkara, iaitu (i) 'kualiti reka bentuk dan kandungan bahan' yang menepati aspek kebergunaan, (ii) 'kesesuaian pembelajaran' bagi memenuhi aspek kemudahpelajaran dan kemudahgunaan, dan (iii) 'kepuasan pengguna' untuk menilai produk yang mesra pengguna. Penyelidik telah mengemukakan beberapa item soalan bagi mendapatkan maklum balas berkenaan pengetahuan responden tentang perkara-perkara tersebut. Setiap item soalan tersebut terkandung pada bahagian B, C, dan D borang soal selidik yang menggunakan aneka jawapan skala likert seperti jadual 1 berikut.

Jadual 1. Pembahagian pilihan jawapan skala likert

| Skala Likert | | | | |
|---------------------|--------------|------------------|--------|---------------|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Sangat tidak setuju | Tidak setuju | Sederhana setuju | Setuju | Sangat setuju |

Data yang dikumpulkan daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan *IBM Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 26. Setiap item akan dinilai dan dianalisis berdasarkan statistik deskriptif yang melihat nilai kekerapan, peratusan dan min. Manakala skor min diinterpretasi berdasarkan rujukan daripada sumber Jamil Ahmad (2002) sebagaimana jadual 2 berikut.

Jadual 2. Interpretasi skala skor min (adaptasi daripada Jamil Ahmad 2002)

| Skor Min | Interpretasi Skor Min | |
|------------------|-----------------------|---|
| 1.00 hingga 2.33 | Rendah | Kurang setuju/kurang membantu/kurang mahir/kurang memenuhi/tidak pasti/kadang-kadang/tiada/sebahagian kecil |
| 2.34 hingga 3.66 | Sederhana | Setuju/membantu/mahir/memenuhi/separuh |
| 3.67 hingga 5.00 | Tinggi | Sangat setuju/sangat membantu/sangat mahir/sangat memenuhi/sangat selalu/sebahagian besar |

Pengujian Dan Penilaian

Berdasarkan jadual 3 di bawah, purata skor min yang diperolehi bagi reka bentuk dan kandungan bahan, potensi kebolegunaan dan kepuasan pengguna terhadap KPBM adalah tinggi iaitu 'sangat setuju' dengan setiap item yang dinyatakan. Nilai skor min yang diperolehi masing-masing melebihi 4.00 iaitu 4.62 (SP=.415) untuk aspek reka bentuk dan kandungan bahan, 4.57 (SP=.407) untuk potensi kebolegunaan, dan 4.48 (SP=.517) untuk kepuasan pengguna.


Jadual 3. Statistik deskriptif aspek penilaian kebolegunaan

| Item | Purata Min | Sisihan Piawai |
|---------------------------------|------------|----------------|
| Reka Bentuk dan Kandungan Bahan | 4.62 | .415 |
| Kesesuaian Pembelajaran | 4.57 | .407 |
| Kepuasan Pengguna | 4.48 | .517 |

Nilai sisihan piawai menunjukkan pemerolehan nilai yang kecil. Hal ini menunjukkan bahawa sebaran skor min tersebut adalah secara homogenus, iaitu tidak berserak. Responden mempunyai pendapat yang tidak terlalu jauh berbeza antara satu sama lain.

Dapatan Data

Soalan berkenaan demografi responden ditemukan pada bahagian A borang soal selidik. Rajah 1 berikut merupakan senarai responden mengikut negeri kelahiran masing-masing. Responden yang disenaraikan memiliki ketersediaan yang jitu sewaktu mengikuti ujian kebolegunaan secara atas talian sewaktu wabak Covid-19 melanda dunia.



Rajah 1. Negara kelahiran responden kajian

Berdasarkan rajah 1, responden kajian adalah seramai 25 orang yang terdiri daripada pelajar warga negara China, Turki dan Nigeria yang sedang mengikuti kelas pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing di Universiti Putra Malaysia (UPM). Pemilihan responden tidak mengkhususkan kepada umur dan tahap pendidikan kerana kajian hanya menilai suara responden yang berstatus penutur asing sahaja.

Aspek Kebergunaan

b (i) Reka Bentuk dan Kandungan Bahan

Item soalan pada bahagian reka bentuk dan kandungan bahan terbahagi kepada 10 soalan. Soalan yang diajukan adalah berkaitan dengan kualiti reka bentuk dan kandungan bahan yang terdapat dalam bahan bertulis dan bahan multimedia KPBM seperti yang dipaparkan dalam jadual 4 berikut:

Jadual 4. Penilaian responden terhadap reka bentuk dan kandungan bahan

| No. | Soalan | Peratus (%) | | | | | Min |
|-----|---|-------------|---|---|----|----|------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| S1 | Penerokaan maklumat bahan bertulis yang fleksibel | 0 | 0 | 4 | 48 | 48 | 4.44 |
| S2 | Ikon bahan bertulis bersesuaian | 0 | 0 | 0 | 44 | 56 | 4.56 |
| S3 | Teks dan grafik bahan bertulis bersesuaian | 0 | 0 | 4 | 16 | 80 | 4.76 |

| | | | | | | | |
|-------------------|--|---|---|---|----|----|-------------|
| S4 | Saiz fon bahan bertulis bersesuaian | 0 | 0 | 0 | 32 | 68 | 4.68 |
| S5 | Gambar sebenar bahan bertulis yang menarik | 0 | 0 | 4 | 16 | 80 | 4.76 |
| S6 | Ikon Video yang sesuai | 0 | 0 | 4 | 32 | 64 | 4.60 |
| S7 | Kualiti audio yang baik | 0 | 0 | 4 | 36 | 60 | 4.56 |
| S8 | Penggunaan butang navigasi yang baik | 0 | 0 | 4 | 32 | 64 | 4.60 |
| S9 | Kualiti dan susunan grafik video yang baik | 0 | 0 | 4 | 32 | 64 | 4.60 |
| S10 | Paparan skrin video yang efektif | 0 | 0 | 4 | 28 | 68 | 4.64 |
| Purata Min | | | | | | | 4.62 |

Berdasarkan paparan data yang diperolehi pada jadual 4 di atas, maka dapat dirumuskan bahawa kebanyakan responden bersetuju reka bentuk dan isi kandungan kedua-dua bahan pembelajaran KPBM iaitu bahan bertulis dan multimedia khususnya bahan video dapat digunakan dan diteroka dengan baik. Hal ini dapat dibuktikan melalui peratusan 'sangat bersetuju' bagi kesemua item adalah melebihi 50% kecuali 'penerokaan maklumat bahan bertulis yang fleksibel' (48%). Skor min bagi kesemua item di atas adalah tinggi iaitu 4.44, 4.56, 4.76, 4.68, 4.76, 4.60, 4.56, 4.60, 4.60, dan 4.64. Nilai ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden setuju dengan kesesuaian reka bentuk dan kandungan bahan KPBM.

Bahan bertulis KPBM memiliki reka bentuk yang minimalis dan sesuai dengan kehendak pembelajaran penutur asing dari segi penerokaan maklumat, ikon, teks, grafik, saiz fon dan gambar sebenar yang menarik. Manakala, bagi bahan multimedia iaitu video pula telah memenuhi kehendak penutur asing dengan penggunaan ikon yang sesuai, kualiti audio yang baik, penggunaan butang navigasi yang mudah, susun atur grafik, dan paparan skrin yang efektif. Dapatan menunjukkan bahawa 'bahan bertulis yang memuatkan teks dan grafik serta gambar sebenar yang menarik' (M=4.76) menerima persetujuan 'sangat setuju' yang paling tinggi iaitu sebanyak 80%. Begitu juga halnya dengan 'bahan video yang memaparkan skrin video yang efektif' (M=4.64) memperoleh skor yang tertinggi berbanding aspek lain. Peratusan responden bersetuju dengan kenyataan tersebut adalah 96%. Kedua-dua bahan pembelajaran bertulis dan video tersebut dapat digunakan atau diakses dengan baik tanpa sebarang masalah teknikal pada antara muka dan sistemnya. Malah, ciri-ciri reka bentuk dan isi kandungan kedua-dua bahan bersifat interaktif supaya pengguna mendapat kebolehcapaian penggunaan dan penerokaan pembelajaran yang tidak membosankan. Hal ini membuktikan pendapat Basiron (2012) bahawa reka bentuk aplikasi yang interaktif akan menjadikan penerokaan lebih menarik dan mengurangkan kebosanan.

Aspek kemudahpelajaran dan kemudahan b (ii) Kesesuaian Pembelajaran

Item soalan pada bahagian kesesuaian pembelajaran terbahagi kepada 15 soalan yang berkaitan dengan elemen pembelajaran (item soalan 11 – 15), isi kandungan (item soalan 16 – 20) dan kemudahan keseluruhan KPBM (item soalan 21 – 25). Kesemua perkara tersebut penting dianalisis bagi mendapatkan maklumat berkenaan KPBM sebagai bahan bantu pembelajaran yang memiliki potensi kemudahpelajaran dalam proses pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. Analisis pada bahagian ini melihat keseluruhan teknik, kaedah dan gaya pembelajaran menggunakan KPBM termasuklah isi kandungan, bahan multimedia, hasil pembelajaran, dan sebagainya yang ditunjukkan pada jadual 5 (i) dan (ii) .

Jadual 5 (i). Penilaian responden terhadap kesesuaian pembelajaran berdasarkan elemen pembelajaran dan isi kandungan bahan

| No. | Soalan | Peratus (%) | | | | | Min |
|-------------------|--|-------------|---|---|----|----|------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| S11 | Media pembelajaran yang menarik | 0 | 0 | 4 | 20 | 76 | 4.72 |
| S12 | Isi kandungan sesuai dengan keperluan pelajar | 0 | 0 | 4 | 24 | 72 | 4.68 |
| S13 | Hasil pembelajaran yang sesuai | 0 | 0 | 0 | 36 | 64 | 4.64 |
| S14 | Pengulangan video pembelajaran | 0 | 0 | 4 | 36 | 60 | 4.56 |
| S15 | Latihan sesuai dengan kandungan pembelajaran | 0 | 0 | 4 | 28 | 68 | 4.64 |
| S16 | Isi kandungan KPBM berkait dengan pengetahuan saya | 0 | 0 | 8 | 28 | 64 | 4.56 |
| S17 | Isi kandungan KPBM berkait dengan kemahiran berbahasa saya | 0 | 0 | 8 | 28 | 64 | 4.56 |
| S18 | Isi kandungan KPBM mencakupi pelbagai media pembelajaran | 0 | 0 | 0 | 28 | 72 | 4.72 |
| S19 | Isi kandungan KPBM merangkumi semua kemahiran berbahasa | 0 | 0 | 8 | 32 | 60 | 4.52 |
| S20 | Isi kandungan KPBM dapat digunakan dalam komunikasi dengan penutur natif | 0 | 0 | 0 | 32 | 68 | 4.68 |
| Purata Min | | | | | | | 4.63 |

Jadual 5 (i) di atas menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa KPBM memiliki elemen pembelajaran dan isi kandungan yang sesuai dengan tahap pengetahuan mereka. Kesemua iaitu 100% (M=4.72) responden bersetuju bahawa 'isi kandungan KPBM mencakupi pelbagai media pembelajaran'. Malah, majoriti iaitu 96% responden turut bersetuju bahawa 'media pembelajaran yang menarik' dengan skor min paling tinggi bagi aspek ini iaitu 4.72. Dapatan tersebut membuktikan bahawa pembangunan KPBM yang memuatkan pelbagai media pembelajaran sesuai dan mudah digunakan oleh penutur asing. Tambahan lagi, pembelajaran menggunakan media atau 'bahan video memuatkan sesi pengulangan' dipersetujui oleh 96% responden sebagai perkara yang perlu ada dalam pembelajaran menggunakan KPBM. Skor min yang diperolehi adalah sebanyak 4.56. Menurut Supramaniyam (2015), video bertindak sebagai simulasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dan secara tidak langsung aktiviti pembelajaran yang dijalankan tidak membosankan.

Jika dianalisis secara terperinci, soalan bernombor S11, S12, S13, S14 dan S15 memiliki satu orang (4%) responden yang sederhana setuju terhadap kenyataan yang disampaikan. Begitu juga dengan soalan bernombor S16, S17 dan S19 yang mencatatkan dua orang (8%) responden yang sederhana setuju terhadap kenyataan tersebut yang berkait dengan isi kandungan bahan KPBM. Berdasarkan dapatan tersebut, didapati bahawa responden cenderung mengambil perhatian tentang isi kandungan sesuatu bahan pembelajaran agar mendapat rujukan yang sesuai. Misalnya, 'isi kandungan pembelajaran perlu berkait dengan pengetahuan responden' dan 'isi kandungan merangkumi kesemua kemahiran bahasa iaitu menulis, membaca, mendengar dan bertutur'. Walau bagaimanapun, peratus responden yang bersetuju adalah majoriti dan hal ini menunjukkan bahawa elemen pembelajaran dan isi kandungan KPBM juga sesuai dipelajari oleh penutur asing pada tahap asas.

Seterusnya, S21–S25 bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan keupayaan keseluruhan KPBM. Kebiasaannya, penutur asing menghadapi cabaran dalam mendapatkan bahan bantu ajar yang baik. Antara cabaran yang sering dihadapi adalah berkaitan dengan bahan bantu tanpa

penggunaan teknologi moden (Khan, TJ & Khan, N 2016), kos yang mahal untuk kelas berbantu guru (Banu, S.R & Nishanti, R 2017), masalah berkaitan guru kurang mahir (Unal & Ilhan 2017), kurang penekanan pada aspek kemahiran bertutur (Zhou & Weil 2018), dan kos pembiayaan yang tinggi (Geringer 2003). Kesemua cabaran tersebut merupakan perkara yang selalu menjadi halangan kepada pengguna dan melemahkan minat serta motivasi penutur asing. Oleh itu, soalan no. 21 hingga 25 seperti pada jadual 5 (ii) disoal untuk mendapatkan maklumat berkenaan cabaran yang mungkin dihadapi oleh pengguna KPBM. Hal ini juga penting dianalisis bagi memastikan konsep kemudahpelajaran dan kemudahgunaan KPBM diakui oleh penggunanya.

Jadual 5 (ii). Penilaian responden terhadap kesesuaian pembelajaran berdasarkan penggunaan keseluruhan KPBM

| No. | Soalan | Peratus (%) | | | | | Min |
|-------------------|--|-------------|---|---|-------|-------|-------------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| S21 | KPBM tidak memerlukan bantuan guru | 0 | 0 | 0 | 44.00 | 56.00 | 4.56 |
| S22 | Penggunaan KPBM berbantu teknologi memudahkan saya | 0 | 0 | 0 | 40.0 | 60.0 | 4.60 |
| S23 | Isi kandungan bahan multimedia KPBM mudah difahami | 0 | 0 | 4 | 40.0 | 56.0 | 4.52 |
| S24 | Penggunaan KPBM memudahkan komunikasi pelajar dengan penutur natif | 0 | 0 | 4 | 32.0 | 64.0 | 4.60 |
| S25 | Kos penggunaan KPBM tidak mahal dan senang diperolehi | 0 | 0 | 4 | 36.0 | 60.0 | 4.56 |
| Purata Min | | | | | | | 4.57 |

Berdasarkan pemerolehan data pada jadual 5 (ii), didapati majoriti responden menganggap kesemua item tersebut tidak menjadi halangan kepada mereka. Hal ini kerana purata skor min yang diperolehi menunjukkan nilai positif tinggi iaitu 4.57. Jika dianalisis secara terperinci, item yang mendapat skor min tertinggi adalah ‘penggunaan KPBM berbantu teknologi memudahkan saya’ (M=4.60) dengan 100% bersetuju dan ‘penggunaan KPBM memudahkan komunikasi pelajar dengan penutur natif’ (M=4.60) dengan peratusan bersetuju adalah seramai 96%. Hal ini menunjukkan bahawa cabaran penggunaan bahan bantu berbantu teknologi moden dapat diatasi. Malah, KPBM boleh digunakan dengan mudah walaupun tanpa bantuan guru atau kelas. Hal ini jelas melalui dapatan bahawa 100% (M=4.56) responden bersetuju bahawa KPBM tidak memerlukan bantuan guru menyebabkan masalah berkaitan guru dapat diatasi.

Selain itu, mereka tidak menganggap kos sebagai perkara yang menghalang minat atau motivasi penutur asing untuk mempelajari bahasa Melayu. Hal ini kerana majoriti 96% responden (M=4.56) berpendapat KPBM tidak mahal dan senang diperolehi. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, responden melihat potensi KPBM dalam proses memahirkan penggunaan bahasa Melayu mereka. Hal ini bermakna, KPBM berpotensi dalam membantu penutur asing untuk berkomunikasi dengan penutur natif bahasa Melayu walaupun hanya pada tahap asas. Oleh itu, jelas di sini bahawa KPBM berupaya untuk digunakan sebagai bahan bantu pembelajaran yang mudah digunakan dan mesra pengguna. Walaupun terdapat minoriti responden yang sederhana setuju dengan setiap kenyataan tersebut, namun ianya telah melepasi piawaian minima persetujuan tentang aspek kemudahpelajaran dan kemudahgunaan KPBM.

Aspek Kepuasan Pengguna

b (iii) Kepuasan Pengguna terhadap kebolegunaan Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM)

Berdasarkan jadual 6 di bawah, didapati kesemua responden bersetuju bahawa KPBM memberikan kepuasan kepada pengguna sebagai bahan bantu pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing

terutama dari aspek komunikasi atau kemahiran bertutur. Purata min yang diperolehi adalah tinggi iaitu 4.48. Pengguna merasa puas hati dengan kemudahan KPBM yang dapat membantu penutur asing dalam kemahiran bertutur.

Jadual 6. Penilaian responden terhadap kepuasan pengguna berkenaan kebolehgunaan KPBM

| No. | Soalan | Peratus (%) | | | | | Min |
|-------------------|---|-------------|---|----|----|----|-------------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| S26 | KPBM memudahkan kemahiran bertutur | 0 | 0 | 16 | 20 | 64 | 4.48 |
| S27 | Matlamat dan hasil pembelajaran KPM mudah diperolehi. | 0 | 0 | 12 | 28 | 60 | 4.48 |
| S28 | Kandungan pembelajaran KPBM berkait dengan perkara yang sudah saya ketahui. | 0 | 0 | 4 | 12 | 28 | 4.36 |
| S29 | Saya sangat seronok menggunakan KPBM ini. | 0 | 0 | 12 | 24 | 64 | 4.52 |
| S30 | KPBM ini sesuai dengan keperluan saya. | 0 | 0 | 4 | 28 | 68 | 4.64 |
| S31 | Penggunaan video membantu saya memperhatikan pembelajaran. | 0 | 0 | 12 | 24 | 64 | 4.52 |
| S32 | Saya dapat memahami semua bahan dalam pembelajaran ini. | 0 | 0 | 8 | 52 | 40 | 4.32 |
| S33 | KPBM dapat digunakan untuk pembelajaran sendiri. | 0 | 0 | 0 | 32 | 68 | 4.68 |
| S34 | Setelah menggunakan KPBM, saya sedar mempelajari bahasa Melayu tidak terlalu sukar bagi saya. | 0 | 0 | 12 | 40 | 48 | 4.36 |
| S35 | KPBM dapat membantu saya menggunakan kemahiran bahasa Melayu sewaktu saya berada di Malaysia. | 0 | 0 | 12 | 36 | 52 | 4.40 |
| Purata Min | | | | | | | 4.48 |

Pelbagai faktor kepuasan pengguna terhadap keseluruhan KPBM telah dinilai dan didapati kesemuanya memberikan nilai skor min yang tinggi. Malah, item atau faktor kepuasan ‘KPBM dapat digunakan untuk pembelajaran sendiri’ mendapat skor min tertinggi (M=4.68) diikuti dengan ‘KPBM sesuai dengan keperluan saya’ (M=4.64). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden sangat setuju KPBM mudah difahami jika digunakan sebagai bahan bantu pembelajaran secara sendiri tanpa bantuan guru. Ia jelas dibuktikan melalui persetujuan 100% responden terhadap item ‘KPBM dapat digunakan untuk pembelajaran sendiri’ tersebut. Malah, responden turut berpuas hati terhadap KPBM yang sesuai dengan keperluan pengguna yang memerlukan bahan bantu multimedia atas talian yang interaktif.

Selain itu, item-item lain turut memperoleh nilai skor min yang tinggi. Antaranya, ‘penggunaan bahan video membantu saya memperhatikan pembelajaran’ (M=4.52), ‘matlamat dan hasil pembelajaran mudah diperolehi’ (M=4.48), dan ‘KPBM dapat membantu memudahkan saya menggunakan kemahiran bahasa Melayu sewaktu berada di Malaysia’ (M=4.40). Kenyataan tersebut masing-masing dipersetujui oleh 88% responden. Malah, setelah menggunakan KPBM, 88% responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka ‘sedar bahasa Melayu tidak terlalu sukar untuk mereka’ (M=4.36). Walau bagaimanapun, item berikutnya iaitu ‘saya dapat memahami semua bahan dalam pembelajaran ini’ (M=4.32) memperoleh skor min yang paling rendah walaupun peratus responden bersetuju adalah tinggi sebanyak 92%. Hal ini kerana penggunaan KPBM dalam tempoh yang singkat agak menyukarkan responden untuk memahami dan mengimbas kembali pengetahuan berkenaan keseluruhan topik pembelajaran.

Akhir sekali, menariknya responden turut ‘merasa sangat seronok sewaktu menggunakan KPBM’ dengan nilai skor min adalah sebanyak 4.52 dan peratus bersetuju masih cukup tinggi, iaitu

88%. Jika diteliti, terdapat pilihan jawapan pelajar yang kurang konsisten kerana memilih sederhana setuju terhadap beberapa kenyataan dalam jadual 6 di atas. Item yang mendapat peratus sederhana bersetuju tertinggi adalah 'KPBM memudahkan kemahiran bertutur' (16%). Namun, ianya tidak memberi kesan terhadap aspek kepuasan penggunaan keseluruhan KPBM kepada pengguna. Apatah lagi, nilai purata min yang tinggi menunjukkan bahawa kebanyakan responden menerima KPBM sebagai bahan bantu ajar yang memenuhi keperluan mereka. Maka, jelaslah bahawa ujian kebolehgunaan yang dijalankan menemui hasil yang diinginkan iaitu KPBM dapat memberikan kepuasan kepada pengguna dari segi mudah untuk digunakan dan sesuai dengan tahap kemahiran penutur asing.

Responden dilihat dapat menggunakan KPBM dengan baik tanpa sebarang masalah besar. Penyelidik turut mendapati sepanjang sesi ujian, responden jarang bertanya tetapi kelihatan fokus menggunakan KPBM. Hal ini menunjukkan kebolehooperasian produk yang dibangunkan adalah baik. Setiap tingkah laku yang diperhatikan menunjukkan responden sedang tekun meneliti dan teruja meneroka KPBM yang interaktif sifatnya. Hal ini jelas menunjukkan aspek daya tarikan yang memuaskan. Oleh itu, jelaslah bahawa KPBM bersifat mesra pengguna dan mudah untuk digunakan yang membuktikan aspek pematuhan kebolehgunaan yang tinggi.

5. Kesimpulan

Tuntasnya, implementasi ujian kebolehgunaan Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) untuk penutur asing terhadap 25 orang responden sasaran menunjukkan keputusan yang cukup memberangsangkan. Setiap aspek penilaian kepuasan seperti faktor kebergunaan, kemudahpelajaran, kemudahgunaan dan kepuasan memperoleh nilai skor min tinggi yang membuktikan tahap persetujuan yang sangat baik dalam kalangan responden. Berdasarkan hasil dapatan, item 'kualiti reka bentuk dan kandungan bahan' yang menepati aspek kebergunaan mendapat nilai skor min yang tertinggi manakala aspek 'kepuasan pengguna' mendapat nilai skor min keseluruhan yang terendah. Hal ini menunjukkan bahawa pembangunan KPBM telah menepati keperluan pengguna yang memerlukan bahan pembelajaran multimedia yang interaktif dan reka bentuk yang bersesuaian. Namun sebaliknya, bagi item-item kepuasan pengguna menunjukkan responden masih belum dapat menyesuaikan diri sepenuhnya terhadap bahan pembelajaran dalam KPBM. Begitu pun, tahap kepuasan tertinggi bagi aspek kepuasan adalah pada item 'KPBM sesuai digunakan untuk pembelajaran secara sendiri' dan 'memenuhi kehendak penutur asing'. Malah, kelima-lima aspek kebolehgunaan mengikut standard ISO 9126 iaitu kebolehooperasian, kebolehfahaman, kebolehpelajaran, daya tarikan dan pematuhan kebolehgunaan ada pada KPBM. Penggunaan KPBM oleh responden juga didapati tidak menemukan masalah kerana KPBM dapat digunakan dengan sebaiknya. Sehubungan itu, secara keseluruhannya, implementasi ujian kebolehgunaan KPBM telah melepasi tahap kebolehgunaan yang tinggi sebagai bahan bantu pembelajaran yang mesra pengguna dan berhasil memenuhi objektif kajian.

Penghargaan

Sekalung penghargaan diucapkan kepada penyedia Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) :FRGS/I/2015/SSI01/UKM/02/9, Kementerian Pengajian Tinggi kerana membantu perjalanan penyelidikan peringkat Doktor Falsafah penulis.

Rujukan

- Banu, S.R. & Nishanti, R. (2017). Difficulties faced by college student in speaking english- a sociological reflection. *International Journal of Trend in Research and Development*. Vol. 4(3), 435-436.
- Basiron, Ismail. (2012). Kesan kaedah pengajaran multimedia interaktif dalam pengajaran seni visual. Tesis Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

- Hasnah Mohamad & Junaini Kasdan. (2012). Pengantarabangsaan Bahasa Melayu: Peluang dan hambatan. Dlm. Zaharani Ahmad, Chun Tai Hyun, Kim Jang-Gyem (Pnyt). *Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Korea: Isu, Cabaran dan Cadangan*. Seoul, Korea. Hankuk University of Foreign Studies Press.
- Jamaliah Isnin, Ardianan Ali Amat, Mohd Tarmizi Hasrah & Nor Azatul Asya Nura Mohd Zakaria. (2013). *Modul bahasa Melayu untuk khalayak antarabangsa di ATMA: Tahap 1*. Bangi: Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia.
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru sekolah: Satu penilaian. Tesis Kedoktoran, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kerajaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khan, T. J., & Khan, N. (2016). Obstacles in Learning English as a Second Language among Intermediate Students of Districts Mianwali and Bhakkar, Pakistan. *Open Journal of Social Sciences*, 4, 154-162. <https://doi.org/10.4236/jss.2016.42021>
- Khuzaiton Zakaria & Thana Abdullah. (2014). Mengajar bahasa melayu kepada penutur asing dan cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia. In: *Professional Development in Education (PDE 2014) Teaching and Learning in The 21st Century: Aspirations and Challenges*, 11 – 12 June 2014, Park Hotel, Bandung, Indonesia.
- Koohang, A., & Paliszkievicz, J. (2016). E-learning courseware usability: Building a theoretical model. *Journal of Computer Informations Systems*, 56(1), 55-61.
- Lund, A.M. (2011). Measuring usability with the USE questionnaire. *Usability Interface*, 8(2), 3-6
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sukki Othman, Muhd Zulkifli Ismail & Wan Nordin Wan Abdullah. (2013). Penggunaan ICT dalam pengajaran bahasa Arab. *Jurnal Linguistik*. 17(2), 120-127.
- Nielsen, C. and Søndergaard, A. (2000). Designing for Mobility – an integration approach supporting multiple technologies. Proceedings of NordiCHI 2000, 23-25 October 2000, Royal Institute of Technology, Stockholm, Sweeden.
- Nielsen, J. (1994). Usability inspection method. In *Conference Companion in Human Factors in Computing System*, 413-414
- Nielsen, J. (2012). Usability 101 : Introduction to Usability. <https://www.nngroup.com/articles/usability?101?introduction?to?usability/>
- Nielsen, J., & Budiu, R. (2013). *Mobility Usability* (2nd ed.). California: New Riders. www.newriders.com
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mardian Shah Omar & Noor Zilawati Jais. (2007). *Bahasa Melayu untuk Penutur Asing (Malay Language for Foreigners): Peringkat Asas Buku 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rossen Din. (2014). *Pembinaan dan Permodelan Sistem Pengajaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozita Che Omar & Nor Shahila Mansor. (2019). Komunikasi mediasi komputer secara sinkronus (KMK-S) dalam proses pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. *Jurnal Linguistik*, 23(1), 041-050
- Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, & Rozaini Muhamad Rozkee. (2020). Pendekatan penyelidikan rekabentuk dan pembangunan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Asma, M., Noor Azah, A. A., & Asma Hanees, A. (2016). Investigating Usability Guidelines in Developing Mobile Application. *Journal of ICT in Education*, 3(1), 98–104.
- Standard ISO/IEC 9126. (2001). *Software Product Evaluation-Quality Characteristics and Guidelines for the User*, Geneva, International Organization for Standardization.
- Supramaniam, V. (2015). Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kalangan guru-guru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Luar Bandar Negeri Johor.
- Supyan Hussin. (1996). Are instructional design elements being used in module writing? *British Journal of Educational Technology*, 30, 341-358
- Thorndike, R. L. (2001). *Measurement and evaluation in psychology and education* (6thed.). Merrill, Upper Saddle River, New Jersey: Columbus.
- Unal, M. & Ilhan, E. (2017). A Case Study on the Problems and Suggestions in Foreign Language Teaching and Learning at Higher Education. *Journal of Education and Training Studies*, 5 (6), 64-72.
- Wan Noor Azhar Wan Sulaiman & Siti Ezaleila Mustafa. (2020). *Usability Elements in Digital Textbook Development: A Systematic Review*. Publishing Research Quarterly, 36 (1), 74-101. <https://doi.org/10.1007/s12109-019-09675-3>.
- Zhou, Yalun. & Wei, Michael. (2018). Strategy in technology-enhanced language learning. *Studies in Second Language Learning and Teaching*, 8(2), 471-495.
- Zuraidah Abdullah & Junaidah M. Kasim. (2010). The Digital Library Usability Testing. *Asia Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*, 9(1),

Biodata Penulis

Yusmaniza Binti Mohd Yusoff ialah pelajar Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Sains Sosial (Linguistik) di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) bagi projek penyelidikan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS): FRGS/I/2015/SSI01/UKM/02/9.

Junaini Kasdan (Ph.D) ialah Timbalan Pengarah merangkap Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Linguistik Terapan (Terminologi dan Leksikografi) dan Filologi Melayu. Beliau merupakan Ketua Projek bagi projek penyelidikan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS): FRGS/I/2015/SSI01/UKM/02/9.